


# Akta Perbankan Islam, 1983

## *Islamic Banking Act, 1983*



Pengenalan perbankan Islam di Malaysia didorong oleh perkembangan dalam negara dan juga antarabangsa.

*The introduction of Islamic banking in Malaysia was prompted by domestic and international developments.*



### **Panggilan Haji!**

Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji (PWSBH) ditubuhkan pada tahun 1963 untuk memudahkan masyarakat Islam di Malaysia membuat simpanan dalam perbadanan itu bagi menunaikan ibadah haji. Kini ia dikenali sebagai Lembaga Tabung Haji.

### **Haji Calling!**

*It was initiated when Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji (PWSBH) was established in 1963 to facilitate Malaysian Muslims in saving for the hajj. Now it is known as Lembaga Tabung Haji.*



### **Diperkenalkan sebagai alternatif kepada perbankan konvensional**

Kerajaan Malaysia menyahut seruan masyarakat Islam di Malaysia supaya sebuah bank Islam diwujudkan dengan menubuhkan satu jawatankuasa pemandu kebangsaan untuk mengkaji pelbagai cadangan bagi penubuhan perbankan Islam di Malaysia. Akta Perbankan Islam mula berkuat kuasa pada 7 April 1983. Akta tersebut memberikan kuasa kepada Bank untuk menyelia dan mengawal selia bank-bank Islam. Pada tahun 1983 juga, Akta Pelaburan Kerajaan telah diluluskan, memberikan kuasa kepada kerajaan untuk menerbitkan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII), iaitu bon yang diterbitkan berlandaskan prinsip Syariah. Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang menerbitkan sekuriti sedemikian.

### **Introduced as an alternative to conventional banking**

*The Malaysian government responded to calls by Malaysian Muslims for an Islamic bank to be established by setting up a national steering committee to study various proposals for the establishment of Islamic banking in Malaysia. The Islamic Banking Act was came into effect on 7 April 1983. The Act provided the Bank with powers to supervise and regulate Islamic banks. Also in 1983, the Government Investment Act was passed, empowering the government to issue Government Investment Issues (GII), which are bonds issued on Shariah principles. Malaysia was the first country in the world to issue such securities.*

## **Penubuhan Bank Islam, 1983**

## *Establishment of Bank Islam, 1983*



Bank Islam merupakan bank Islam pertama Malaysia. Tujuan utama penubuhan Bank Islam adalah untuk membantu keperluan kewangan penduduk Islam di Malaysia serta memperluaskan perkhidmatannya kepada populasi yang lebih luas.

*Bank Islam is Malaysia's first Islamic bank. It was established primarily to assist the financial needs of the country's Muslim population, and extended its services to the broader population.*

Orang ramai berkumpul di luar Bank Islam cawangan Kota Bharu, Kelantan pada hari pertama operasi pada bulan Mac 1984  
*Crowd outside the Bank Islam branch in Kota Bharu, Kelantan, on the branch's first day of business in March 1984*

## **Akta Takaful, 1984**

## *Takaful Act, 1984*

### **Apa itu Takaful?**

ia sejenis perlindungan yang mematuhi Syariah yang menawarkan alternatif kepada insurans konvensional.

### **What is Takaful?**

*A Shariah compliant form of coverage offering an alternative to conventional insurance.*



## **Penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Berhad, syarikat takaful pertama pada tahun 1984**

## *Establishment of Syarikat Takaful Malaysia Berhad, the first takaful operator in 1984*

Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia) ditubuhkan pada tahun 1981 apabila Kerajaan Malaysia menubuhkan pasukan petugas bagi mengkaji kebolehlaksanaan penubuhan sebuah syarikat insurans Islam di Malaysia. Ini telah secara langsung membawa kepada penubuhan pengendali takaful yang pertama – Syarikat Takaful Malaysia pada 29 November 1984, iaitu tahun yang sama Akta Takaful telah digubal. Selepas beroperasi lebih daripada satu dekad, Syarikat ini telah ditukar menjadi sebuah syarikat awam berhad pada 19 Oktober 1995, diikuti dengan penyebaran sahamnya di Papan Utama (kini dikenali sebagai 'Pasaran Utama') di Bursa Malaysia Securities Berhad pada 30 Julai 1996.

*Syarikat Takaful Malaysia Berhad, in short Takaful Malaysia began in 1981 when the Government of Malaysia set up a task force to study the feasibility of establishing an Islamic insurance company in Malaysia. This led to the incorporation of the first takaful operator – Syarikat Takaful Malaysia on 29 November 1984, the same year as the Takaful Act was enacted. After slightly more than a decade of operations, the Company was converted into a public limited company on 19 October 1995, followed by its listing on the Main Board (now known as 'Main Market') of Bursa Malaysia Securities Berhad on 30 July 1996.*